نشأته وفضله:

- ابن عم النبي ﷺ، وترى على يده، ونهل من أخلاقه الفاضلة.
- هو أول من آمن برسالة النبي ﷺ من الصبيان. وعمره حين أسلم عشر سنين (١)
- نصر النبي ﷺ وأزره في نشر الدعوة الإسلامية ولازمه طوال حياته .
- تزوج من ابنة النبي ﷺ فاطمة ﷺ فولدت له الحسن والحسين وزينب وأم كلثوم ﷺ
- شارك في جميع الغزوات ما عدا غزوة تبوك (٢)
- هو أحد كتاب الوحي، وأحد العشرة المبشرين بالجنة.

إثراء
أوليات علي بن أبي طالب ﷺ :
(١) أول من آمن من الصبيان.
(٢) أول فدائي في الإسلام.
(٣) أول خليفة من بني هاشم.
(٤) أول من نقل العاصمة من المدينة.
(٥) أول من يجثو للخصومة بين يدي الله يوم القيامة.

**Kedua: Pemilihan beliau sebagai khalifah dan peristiwa penting dalam pemerintahannya:**

**Pemilihan beliau sebagai khalifah:**

Ketika Uthman r.a mati syahid, orang ramai datang kepada Ali r.a kerana beliau adalah orang kedua - selepas Uthman r.a, yang mana jawatan khalifah itu berkiasar pada mereka berdua setelah pertemuan 6 sahabat yang dijanjikan syurga: perkara tersebut bukan untuk kamu tetapi untuk ahlu Badr (orang yang menyertai perang Badar). lalu ahlu Badr membai'ahkan Ali. sebagai khalifah. Beliau berkata: Di manakah Talha, Zubair dan Saad? kemudian mereka dibawa datang dan mereka memberikan kesetiaan kepada Ali. Golongan Muhajirun dan Ansar memberikan kesetiaan kepadanya, lalu orang ramai turut memberikan kesetiaan kepadanya.

Info tambahan
Dalam Peperangan Khaibar, Rasulullah saw memberikan panji itu kepada Ali bin Abu Talib r.a setelah baginda mengumumkan bahawa baginda akan memberi panji tersebut pada besok hari kepada seseorang yang Allah swt dan RasulNya mencintainya dan dia juga mencintai Allah dan RasulNya Ali sakit mata, lalu baginda meludahi kedua matanya, dan beliau tidak pernah sakit mata lagi selepas itu. Baginda memberikannya panji tersebut dan beliau bertempur bersama tentera Islam hingga Allah memberikan kepada mereka dengan kemenangan.

**Peristiwa penting semasa pemerintahannya:**

**1) Memindahkan pusat pemerintahan khalifah:**

- Beliau telah memindahkan pusat pemerintahan khalifah dari kota Madinah ke Kufah, kerana beliau ingin menjadikan ibukota Negara Islam berada di tengah-tengah wilayah negara Islam supaya dapat dihubungi dengan cepat.

**2) Kemunculan kumpulan Khawarij:**

- Mereka adalah tentera Ali r.a, kemudian mereka bangkit menentangnyanya dan memeranginya. Mereka menggelarkan diri mereka sebagai Khawarij kerana mereka memberontak melawan Ali r.a. Mereka disebut sebagai Haruriyah kerana mereka enggan memasuki Kufah, dan mereka tinggal di Hawra berhampiran Kufah.

- Ali r.a berusaha meyakinkan mereka, dan satu kumpulan dari mereka dapat menerimanya, tetapi sekumpulan lain tetap pertahankan pendirian mereka. Oleh itu Ali r.a terpaksa memerangi mereka kerana mereka telah melampau dan mereka telah membunuh orang-orang Islam yang tidak bersenjata. Pertempuran terjadi di antara kedua-dua belah pihak di tempat yang disebut Al-Nahrawan dan Ali r.a dapat mengalahkan mereka pada tahun 38 H.

ثانيا: اختياره للخلافة وأهم الأحداث في عهده:

اختياره للخلافة:

إثراء
في غزوة خيبر أعطى رسول الله ﷺ اللواء لعلي بن أبي طالب ﷺ. بعد أن أعلن أنه سيعطيه غدا رجلا يحب الله وأعطاه اللواء وقاتل مع المسلمين حتى فتح الله عليهم بالنصر.

عندما استشهد عثمان ﷺ أقبل الناس إلى علي ﷺ بصفته الرجل الثاني - بعد عثمان ﷺ الذي كانت الخلافة انحصرت فيهما بعد اجتماع الستة الباقيين المبشرين بالجنة، فقال: ليس ذلك لكم، إنما ذلك لأهل بدر، فبايع أهل بدر، فقال: أين طلحة والزبير وسعد؟ فجيء بهم فبايعوا قام المهاجرون والأنصار بمبايعته، ثم بايعه الناس.

أهم الأحداث في عهده:

(١) نقل مركز الخلافة:

- قد نقله من المدينة إلى الكوفة، رغبة منه ﷺ في توطيد عاصمة الدولة الإسلامية بين الولايات لسرعة الاتصال بها.

(٢) ظهور فرقة الخوارج:

- كانوا في جيش علي ﷺ ثم خرجوا عليه وحاربوه، وسموا بالخوارج لأنهم خرجوا على علي ﷺ وسموا بالحرورية لأنهم رفضوا دخول الكوفة، ومكثوا في حوراء قرب الكوفة.  
 - قد حاول علي ﷺ إقناعهم، فافتنع فريق منهم، لكن فريقا آخر استمر على موقفه، فاضطر علي ﷺ إلى مقاتلتهم لغلوهم، وقتلهم الغزّل من المسلمين، ودارت بينهم معركة في مكان يقال له النهروان، وانتصر عليهم سنة ٣٨ هـ.

**Ketiga: Akhlak dan kematiannya****Akhlak beliau:**

- Beliau dibesarkan di rumah Rasulullah saw, jadi beliau mempunyai budi pekerti yang tinggi, dan berakhlak dengan sifat-sifat yang mulia seperti baginda.
- Beliau terkenal dengan sifat keberaniannya. Beliau merupakan salah seorang askar pertama yang berperang secara mubarazah (satu lawan satu) dalam Peperangan Badar, beliau juga berlawan satu lawan satu dengan pahlawan paling berani dari kalangan kaum musyrik dalam peperangan Khandak (parit) dan dapat membunuhnya.
- Beliau juga terkenal dengan pengorbanan, kesopanan, kesetiaan, kezuhudan, ketakwaan, menghormati urusan perjanjian dan perihatin terhadap harta umat Islam. Beliau adalah contoh perumpamaan dalam bidang pidato dan kepetahan bercakap.

**Kematian beliau:**

- Tiga orang Khawarij telah merancang komplot untuk membunuh Ali, Muawiyah dan Amru bin Al 'As secara serentak.
- Abdul Rahman bin Muljam dapat membunuh Ali bin Abi Talib r.a, sementara kedua sahabatnya gagal dalam misi mereka.
- Kesyahidan Ali r.a berlaku pada tahun 40 H., setelah berlalu hampir 5 tahun sebagai khalifah. Usianya 63 tahun.
- Dengan kesyahidan Ali r.a, berakhir era pemerintahan Khulafa' ar Rasyidin.

**ثالثا: أخلاقه ووفاته****أخلاقه:**

- تربى في بيت رسول الله ﷺ فتأدب بأدابه العالية، وتخلق بصفاته الكريمة.
- اشتهر بالشجاعة فكان من أول المبارزين في غزوة بدر، كما بارز أشجع فرسان المشركين في غزوة الخندق وقتله.
- كما اشتهر بالتضحية والمروءة والوفاء والزهد والورع واحترام العقود والحرص على أموال المسلمين، كان مضرب الأمثال في الخطابة والفصاحة.

**وفاته:**

- دبر ثلاثة من الخوارج<sup>٣٣</sup> مؤامرة لقتل علي ومعاوية وعمرو بن العاص<sup>رضي الله عنه</sup> في وقت واحد،
- وقد تمكن عبد الرحمن بن ملجم من قتل علي بن أبي طالب<sup>رضي الله عنه</sup> بينما أخفق صاحبا في مهمتهما.
- وكان استشهاده<sup>رضي الله عنه</sup> سنة ٤٠ هـ بعد أن أمضى قرابة خمس سنوات في الخلافة، وعمره ٦٣ سنة.
- وباستشهاده<sup>رضي الله عنه</sup> انتهى عصر الخلفاء الراشدين.

<sup>٣٣</sup> هم : عبد الرحمن بن ملجم، والبيرك بن عبد الله، وعمرو بن بكير

## التطبيقات

## السؤال ١ :

أكمل الفراغات التالية بكلمات مناسبة:

(أ) ولد علي بن أبي طالب عليه السلام قبل البعثة ب ..... سنوات فتربى في بيت ..... وتزوج ابنته .....

(ب) دبر ..... مؤامرة لقتل كل من : علي بن أبي طالب عليه السلام و ..... في وقت واحد. وقد تمكن ..... من قتل علي عليه السلام سنة ..... بعد أن حكم قرابة ..... سنوات.

## السؤال ٢ :

ضع علامة ( V ) أمام العبارة الصحيحة وعلامة ( X ) أمام العبارة الخاطئة مع تصحيح الخطأ إن وجد:

- (أ) يعد علي بن أبي طالب عليه السلام أول من آمن بالنبي صلى الله عليه وسلم من الصبيان. [ ]
- (ب) تمكن أمير المؤمنين علي عليه السلام من هزيمة المرتدين في معركة النهروان. [ ]
- (ج) السبب الرئيس في قيام الفتن بين المسلمين هم المنافقون وعلى رأسهم عبدالله بن سبأ. [ ]
- (د) كان استشهاد علي عليه السلام سنة ٤٠ هـ. [ ]

## السؤال ٣ :

(تربى علي بن أبي طالب عليه السلام في بيت الرسول صلى الله عليه وسلم فتأدب بآدابه العالية، وتخلق بصفاته الكريمة).

في ضوء هذه العبارة اذكر ما تعرفه عن أخلاق علي بن أبي طالب عليه السلام مع ضرب أمثلة على ذلك.

## السؤال ٤ :

- (أ) عندما استشهد عثمان رضي الله عنه أقبل الناس إلى علي عليه السلام ليبايعوه بالخلافة.
- (ب) نقل علي بن أبي طالب عليه السلام مركز الخلافة من المدينة إلى الكوفة.
- (ج) تسمية الخوارج بهذا الاسم.
- (د) اضطرار علي بن أبي طالب عليه السلام لمقاتلة الخوارج.

## السؤال ٥ :

اختر الإجابة الصحيحة من بين الأقواس فيما يأتي :

- (أ) علي بن أبي طالب عليه السلام. (الأموي ، الهاشمي ، التيمي)
- (ب) شارك علي بن أبي طالب عليه السلام في جميع الغزوات ما عدا غزوة. (بدر، أحد ، تبوك)

**KERAJAAN UMAWIYAH**

41 – 132 H / 661 – 750M

- 1- Kerajaan Umawiyah nisbah kepada Umayyah bin Abdul Syam bin Abdul Manaf.
- 2- Umayyah<sup>34</sup> adalah seorang pemimpin Quraisy di zaman jahiliah.
- 3- Keturunan Bani Hasyim bertemu pada Abdul Manaf yang merupakan datuk mereka semua. Hubungan kasih sayang, persembadaan dan kerjasama jelas wujud di antara mereka.
- 4- Apabila nabi s.a.w dibangkit menjadi rasul, beliau adalah antara yang memeluk Islam di kalangan bani Umayyah sejak awal lagi. Mereka menjadi tokoh dan pahlawan umat ini seperti Uthman bin 'Affan dan Khalid bin Said bin al 'As.
5. Manakala orang yang memusuhi nabi saw di kalangan mereka dan menyaksikan hari pembukaan kota Mekah seterusnya memeluk Islam dan menghayatinya seperti Abu Sufyan. Beliau lewat memeluk Islam itu bukan satu kekurangan apabila beliau memeluk Islam dan berkhidmat untuk Islam dengan ikhlas.

**Peralihan Pemerintahan Islam Kepada Bani Umayyah**

- 1- Pemerintahan Islam bertukar tangan kepada bani Umayyah selepas Hasan bin Ali menyerahkannya kepada Muawiyah. Peristiwa tersebut berlaku pada 25 Rabiul Thani 41 Hijrah.
- 2- Muawiyah memasuki Bandar Kufah dan dilantik menjadi khalifah dengan kehadiran Hasan dan Husin serta orang ramai. Maka tahun tersebut dinamakan tahun perpaduan.
- 3- Semenjak itulah Bani Umayyah menjadi pemimpin Islam sepertimana mereka juga sebelum ini menjadi pemimpin di zaman Jahiliyah.
4. Bani Umayyah memerintah Negara Islam selama 91 tahun, bermula tahun 41 H-132H bersamaan 661 – 750M.

<sup>34</sup> Umayyah mempunyai ciri kepimpinan sejak di zaman jahiliah lagi, beliau mempunyai harta dan 10 anak yang bijak

**الدولة الأموية**

٤١ هـ - ١٣٢ هـ / ٦٦١ م - ٧٥٠ م

- ١- تنسب الدولة الأموية إلى أمية بن عبد شمس بن عبد مناف.
- ٢- أمية هو سيد من سادات قريش في الجاهلية.
- ٣- يلتقي نسب بني هاشم في عبد مناف الجد الأكبر لهم وكانت علاقات المودة والمصاهرة والتعاون واضحة بينهم.
- ٤- لما بعث النبي ﷺ كان ممن دخل في الإسلام من بني أمية منذ بدايته وأصبحوا من خيار هذه الأمة وأبطالها أمثال عثمان بن عفان وخالد بن سعيد بن العاص.
- ٥- أما من حارب الإسلام منهم وأدركه الفتح فقد أسلم وحسن إسلامه مثل أبي سفيان ، وليس تأخر الإسلام طعنا في صاحبه إذا أسلم وحسن إسلامه.

**انتقال الخلافة إلى بني أمية**

- ١- انتقلت الخلافة إلى بني أمية بعد تنازل الحسن بن علي عن الخلافة لمعاوية وذلك في ٢٥ ربيع الثاني سنة ٤١ هـ،
- ٢- دخل معاوية الكوفة حيث أخذت له البيعة بحضور الحسن والحسين. واجتمع عليه الناس فسمي ذلك العام عام الجماعة،
- ٣- من هنا أصبح بنو أمية سادة في الإسلام كما كانوا سادة في الجاهلية .
- ٤- حكمت الدولة الأموية البلاد الإسلامية ٩١ سنة (من سنة ٤١ هـ - سنة ١٣٢ هـ / ٦٦١ م - سنة ٧٥٠ م).

5- Bilangan khalifah Bani Umayyah adalah seramai 14 orang khalifah iaitu:

- |  |                             |
|--|-----------------------------|
| 1- Muawiyah bin Abu Sufian               | (41H / 661M)                |
| 2- Yazid bin Muawiyah (Yazid I)          | (60H / 680M)                |
| 3- Muawiyah bin Yazid (Muawiyah II)      | (64H / 683M)                |
| 4- Marwan bin Hakam (Marwan I)           | (64H / 683M)                |
| 5- Abdul Malik bin marwan                | (65H / 705M)                |
| 6- Al Walid bin Abdul Malik (Al Walid I) | (86H / 705M)                |
| 7- Sulaiman bin Abdul Malik              | (96H / 715M)                |
| 8- Umar bin Abdul Aziz                   | (99H / 717M)                |
| 9- Yazid bin Abdul Malik (Yazid II)      | (101H / 720M)               |
| 10- Hisyam bin Abdul Malik               | (105H / 724M)               |
| 11- Al Walid bin Yazid (Al Walid II)     | (125H / 734M)               |
| 12- Yazid bin Al Walid (Yazid III)       | (126H / 744M)               |
| 13- Ibrahim bin al Walid                 | (126H / 744M)               |
| 14- Marwan bin Muhammad (Marwan II)      | (127H - 132H / 744M - 750M) |

6- Kerajaan Umawiyah juga mempunyai panglima perang yang handal dan terkenal. Antaranya:

- |                                |                             |
|--------------------------------|-----------------------------|
| 1- Uqbah bin Nafi',            | 2- Hajjaj Yusuf al Thaqafi, |
| 3- Musa bin Nasir,             | 4- Tariq bin Ziad,          |
| 5- Musallamah bin Abdul Malik, | 6- Qutaibah bin Muslim,     |
| 7- Muhammad bin al Qasim       | 8- Nusair bin Sayyar        |

٥- عدد خلفائهم ١٤ خليفة، هم:

- |   |   |
|---|---|
| (١) معاوية بن أبي سفيان <small>رضي الله عنه</small> | ( سنة ٤١ هـ / ٦٦١ م )                   |
| (٢) يزيد بن معاوية (الأول)                          | ( سنة ٦٠ هـ / ٦٨٠ م )                   |
| (٣) معاوية بن يزيد (الثاني)                         | ( سنة ٦٤ هـ / ٦٨٣ م )                   |
| (٤) مروان بن الحكم                                  | ( سنة ٦٤ هـ / ٦٨٣ م )                   |
| (٥) عبد الملك بن مروان                              | ( سنة ٦٥ هـ / ٦٨٥ م )                   |
| (٦) الوليد بن عبد الملك                             | ( سنة ٨٦ هـ / ٧٠٥ م )                   |
| (٧) سليمان بن عبد الملك                             | ( سنة ٩٦ هـ / ٧١٥ م )                   |
| (٨) عمر بن عبد العزيز                               | ( سنة ٩٩ هـ / ٧١٧ م )                   |
| (٩) يزيد بن عبد الملك (الثاني)                      | ( سنة ١٠١ هـ / ٧٢٠ م )                  |
| (١٠) هشام بن عبد الملك                              | ( سنة ١٠٥ هـ / ٧٢٤ م )                  |
| (١١) الوليد بن يزيد (الثاني)                        | ( سنة ١٢٥ هـ / ٧٣٤ م )                  |
| (١٢) يزيد بن الوليد (الثالث)                        | ( سنة ١٢٦ هـ = ٧٤٤ م )                  |
| (١٣) إبراهيم بن الوليد                              | ( سنة ١٢٦ هـ / ٧٤٤ م )                  |
| (١٤) مروان بن محمد (الثاني)                         | ( سنة ١٢٧ هـ - ١٣٢ هـ / ٧٤٤ م - ٧٥٠ م ) |

٦- والدولة الأموية لها قواد عظام منهم :

- |                        |                           |
|------------------------|---------------------------|
| (١) عقبة بن نافع       | (٢) الحجاج بن يوسف الثقفي |
| (٣) قتيبة بن مسلم      | (٤) محمد بن القاسم        |
| (٥) مسلمة بن عبد الملك | (٦) موسى بن نصير          |
| (٧) طارق بن زياد       | (٨) نصر بن سيار           |



**MUAWIYA IBN ABI SUFYAN**

(41 H - 60 H / 661 M - 680 M)

**Biodata beliau:**

- 1- Beliau ialah Mu'awiyah bin Abu Sufyan bin Harb, pengasas kerajaan Umawiyah.
- 2- Dilahirkan di Mekah 15 tahun sebelum Hijrah.
- 3- Beliau sentia takut untuk bertemu dengan Nabi saw, disebabkan ayahnya (yang menentang baginda).
- 4- Tetapi keislamannya hanyadzahirkan pada hari penaklukan kota Mekah, ketika berusia 23 tahun.
- 5- Rasulullah saw melantiknya sebagai penulis wahyu, dan bersemenda<sup>35</sup> dengan baginda. Beliau adalah saudara kepada ummul mukminin, Umm Habiba binti Abu Sufyan.
- 6- Ketika Abu Bakar r.a menjadi khalifah, beliau melantik Mu'awiyah sebagai gabenor di salah satu wilayah Syam.
- 7- Pada zaman Umar Ibn Al-Khattab r.a , beliau dilantik mentadbir wilayah Damsyik. Umar berpuas hati dengan pengurusan yang baik, polisi, kejujuran, kelembutannya, dan jauh wawasannya.
- 8- Ketika Uthman r.a menjadi khalifah, beliau menggabungkan seluruh Syam kepada Mu'awiyah lalu pengaruhnya menjadi lebih kuat. Penguasaannya jelas kelihatan dan ramai penyokongnya.

**Kelebihan dan kedudukan beliau:**

1. Muawiyah r.a adalah salah seorang tokoh sahabat yang paling baik dari sudut keturunan dan hampirnya dengan Nabi saw, seorang yang berilmu dan seorang yang penyabar.
2. Beliau adalah bapa saudara<sup>36</sup> bagi orang-orang yang beriman, penulis wahyu Rasulullah saw, dan penulis surat-surat Nabi saw kepada ketua-ketua suku Arab.
3. Oleh itu Muawiyah mempunyai kelebihan yang banyak seperti kemuliaan menjadi sahabat nabi saw, mulia keturunannya, hubungan persemendaan dengan Nabi saw, kelebihan ilmunya, kesabaran dan kepemimpinannya, kemudian menjadi khalifah.

**معاوية بن أبي سفيان**

(٤١ هـ - ٦٠ هـ / ٦٦١ م - ٦٨٠ م)

**التعريف :**

- ١- هو معاوية بن أبي سفيان بن حرب مؤسس الدولة الأموية.
- ٢- ولد بمكة قبل الهجرة بخمس عشرة سنة.
- ٣- وبقي يخاف الالتحاق بالنبي ﷺ بسبب أبيه.
- ٤- ولكن ما ظهر إسلامه إلا يوم الفتح وعمره ٢٣ سنة.
- ٥- اتخذ الرسول ﷺ كاتباً للوحي، وصهرها فهو أخو أم المؤمنين أم حبيبة بنت أبي سفيان ﷺ.
- ٦- لما تولى الخلافة أبو بكر ﷺ ولأه إحدى الجهات الشامية.
- ٧- وفي عهد عمر ابن الخطاب ﷺ عُهد إليه ولاية دمشق. وكان راضياً عنه لحسن تدييره وسياسته وأمانته وحلمه وبعد همته.
- ٨- لما تولى عثمان ﷺ ضم إليه جميع الشام فقوي نفوذه. وظهرت مقدرته وكثر أنصاره.

**فضائله ومكانته :**

- ١- معاوية ﷺ من أكابر الصحابة نسبا وقربا من النبي ﷺ وعلما وحلما ،
- ٢- فهو خال المؤمنين وكاتب وحي رسول الله ﷺ وكاتب رسائل النبي ﷺ لرؤساء القبائل العربية
- ٣- فاجتمع لمعاوية شرف الصحبة وشرف النسب، وشرف مصاهرته للنبي ﷺ وشرف العلم والحلم والإمارة، ثم الخلافة،

<sup>35</sup> Semenda : pertalian kekeluargaan melalui perkahwinan.

<sup>36</sup> kerana beliau adalah saudara kepada Ummul Mukminin Ummu Habibah

4. Sejarah hidup Muawiyah ra, banyak dicemari dengan fakta yang salah dan jari-jari yang penyelewengan yang begitu berleluasa. Ianya dipenuhi dengan penipuan, fitnah dan kezaliman yang tidak pernah dihadapi oleh orang lain.
5. Mungkin perkara ini berlaku kerana Muawiyah ra, ada hubungan kekeluargaan (semenda) dengan Rasulullah saw, bapa saudara bagi orang-orang yang beriman, Amirul Mukmini dan penulis wahyu. Ini juga sebagai penghinaan terhadap al Quran. Oleh itu setiap orang Islam perlu mempertahankan dan melindungi kehormatan beliau selari dengan perintah Rasulullah saw: *"Janganlah kamu menghina sahabatku, sekiranya salah seorang daripada kamu menginfaqkan emas sebesar bukit Uhud, tidak akan menyamai satu cupak (pahala) seorang pun daripada mereka dan tidak juga separuh daripadanya."*

Sabda nabi saw lagi: *"Sebaik-baik manusia adalah kurunku. Kemudian kurun selepas daripada mereka dan kemudian kurun selepas daripada mereka."*

Doa Nabi saw untuk Mu'awiyah: Terdapat hadis Rasulullah saw di mana baginda berkata kepada Muawiyah: *Ya Allah jadikanlah dia seorang yang memberi petunjuk dan diberi petunjuk dan berikanlah hidayah melaluinya"* (Hadis riwayat Bukhari dan al-Tirmizi)

dan" *Ya Tuhan, ajarlah Muawiyah al Quran dan ilmu kira-kira serta lindungi dia dari siksaan neraka"*. (Hadis riwayat Ahmad)

#### Pemerintahan beliau:

1. Ketika peristiwa khalifah Uthman r.a dibunuh, Muawiyah r.a meletak jawatan sebagai gabenor di Syam hingga al-Hasan bin Ali melepaskan jawatan khalifah kepadanya dan berjanji setia kepadanya pada tahun 41 Hijrah.
2. Beliau menubuhkan negara Umayyah dan menjadikan warna benderanya berwarna merah dan menjadikan Damsyik sebagai ibu kota Khalifah kerana ia berada di tengah-tengah negara Islam yang begitu luas.
3. Beliau melantik Amru bin al-'As r.a sebagai gabenor Mesir.
4. Beliau melantik Al-Mughirah bin Shu'bah sebagai gabenor Kufah.
5. Beliau melantik Ziyad bin Abihi sebagai gabenor Basra, kemudian mencantumkan Kufah kepadanya pada tahun 51 Hijrah setelah kematian Al-Mughirah r.a. Beliau juga mencantumkan Bahrain, Amman dan Khorasan kepadanya.

٤- أصاب تاريخ معاوية ﷺ الكثير من التشويه وامتدت إليه أصابع التحريف وقد نال من الدس والافتراء والظلم ما لم ينل غيره،

٥- وربما يرجع ذلك إلى أن معاوية ﷺ صهر وخال المؤمنين وأمير المؤمنين، وكاتب الوحي، فإذا طعن فيه أصبح من اليسر الطعن فيما سواه من صحابة رسول الله ﷺ وكذلك الطعن في القرءان، فكان لزاما على كل مسلم الدفاع عنه والذب عن عرضه عملا بأمر الرسول ﷺ: لَا تَسُبُّوا أَصْحَابِي، فَلَوْ أَنَّ أَحَدَكُمْ أَنْفَقَ مِثْلَ أُحُدٍ، ذَهَبًا مَا بَلَغَ مُدًّا أَحَدِهِمْ، وَلَا نَصِيفَهُ، وقوله ﷺ: "خير القرون قرني ثم الذين يلونهم ثم الذين يلونهم".  
 دعاء النبي ﷺ لمعاوية: صح عن رسول الله ﷺ أنه قال لمعاوية: "اللهم اجعله هاديا مهديا وأهد به" (رواه البخاري والترمذي) و"اللهم علم معاوية الكتاب والحساب وقه العذاب" (رواه أحمد)

حكومته:

١- لما قتل عثمان ﷺ استقل معاوية ﷺ بالشام إلى أن تنازل له الحسن بن علي عن الخلافة، وبويع بيعة عامة سنة ٤١ هـ.

٢- فأسس الدولة الأموية وجعل لون علمها أحمر واتخذ دمشق عاصمة للخلافة لتوسطها بين البلاد الإسلامية الواسعة،

٣- وولى عمرو بن العاص ﷺ على مصر

٤- وولى المغيرة بن شعبة ﷺ على الكوفة

٥- وولى زياد بن أبيه على البصرة، ثم ضم له الكوفة سنة ٥١ هـ بعد وفاة المغيرة رضي الله عنه كما ضم له البحرين وعمان وخراسان.

## Perang Khawarij

Ketika Muawiyah dilantik menjadi khalifah, golongan Khawarij bangkit melawannya. Sifat sabar dan toleransinya tidak dapat memujuk mereka, lalu beliau menghantar tentara di kalangan penduduk Syam dan dapat mengalahkan mereka. Kemudian beliau meminta bantuan penduduk Kufah, lalu mereka memerangi golongan Khawarij di beberapa lokasi hingga mereka dapat melemahkan kekuatan mereka pada tahun 43 Hijrah.

## Penaklukan Indus

- 1- Setelah Muawiyah r.a dapat meredakan pemberontakan Khawarij dan mengagalkan rusuhan mereka, lalu beliau menyiapkan pasukan tentera yang dipimpin oleh Abdullah bin Sawwar yang merupakan gabenor di perbatasan Sind Al-Qiqan, iaitu negara Sind yang terletak bersebelahan Khurasan.
- 2- Tetapi dia terbunuh dan kemudian Al-Muhallab bin Abu Sufra menyerang negara ini sehingga sampai di Lahore. Dia berperang dengan musuhnya sehingga dapat mengalahkan mereka.

## Penaklukan Constantinople

- 1- Muawiyah r.a, sejak beliau menjadi gabenor Syam berusaha membina armada Islam sehingga bilangannya mencapai 1,700 buah kapal.
- 2- Beliau akan menghantar armada tersebut ke Kepulauan Rome dan dapat menakluki sebahagian besar dari kepulauan tersebut dan mengibarkan bendera Islam di sana
- 3- Pada tahun 48 Hijrah, Muawiyah r.a melengkapkan armadanya dengan pasukan tentera yang hebat di bawah pimpinan Sufyan bin Auf. Dia Berjaya memasuki negara Rome dan menakluki banyak kawasan dan kubu-kubunya sehingga sampai di kota Konstantinopel seterusnya mengepung kota tersebut.
- 4- Kemudian Muawiyah memerintahkan anaknya Yazid, bergabung dengan Sufyan sejumlah pasukan yang besar. Di kalangan tentera tersebut terdapat sekumpulan tokoh sahabat, antaranya Ibnu Abbas, Ibnu Umar, Ibnu al-Zubair dan Abu Ayyub al-Ansari.
- 5- Semasa proses pengepungan kota Konstantinopel, Abu Ayyub al-Ansari r.a meninggal dan dikebumikan berhampiran tembok kota tersebut.
- 6- Tentera Islam tidak dapat menakluki Konstantinopel kerana cuaca terlalu sejuk dan keteguhan temboknya, sehingga memaksa tentera Islam kembali ke Syam.

## حرب الخوارج

لما بويع معاوية قام عليه الخوارج ولم ينفعهم حلمه وتسامحه فأرسل لهم جيشا من أهل الشام فهزمهم الخوارج فاستعان بأهل الكوفة فقاتلوا الخوارج في عدة مواقع حتى أضعفوا أمرهم سنة ٤٣ هـ.

## فتح بلاد السند

- ١- بعد أن انتهى معاوية رضي الله عنه من إخماد فتن الخوارج وقمع شغبهم جهز جيشا بقيادة عبدالله بن سوار . وكان أميراً على ثغر السند القيقان. وهي بلاد السند مما يلي خراسان.
- ٢- ولكنه قتل ثم غزا المهلب بن أبي صفرة هذه البلاد حتى وصل لاهور. وقاتل الأعداء حتى هزمهم.

## فتح القسطنطينية (Constantinople)

- ١- سعى معاوية رضي الله عنه منذ كان أميراً على الشام في إنشاء أسطول للمسلمين حتى بلغ أسطوله (١٧٠٠) سفينة.
- ٢- فكان يرسلها إلى جزر الروم. ففتح معظمها ونشر عليها العلم الإسلامي.
- ٣- وفي سنة ٤٨ هـ جهز معاوية رضي الله عنه أسطوله بجيش عظيم تحت قيادة سفيان بن عوف. فدخل بلاد الروم وفتح كثيراً من بلدانها وحصونها حتى وصل القسطنطينية وحاصرها،
- ٤- ثم أمر معاوية ابنه يزيد فلحق بسفیان بجيش كبير وكان في الجيش جماعة من كبار الصحابة منهم ابن عباس وابن عمر وابن الزبيري وأبو أيوب الأنصاري رضي الله عنه.
- ٥- وفي أثناء الحصار توفي أبو أيوب الأنصاري رضي الله عنه ودفن بقرب السور.
- ٦- ولم يتمكن الجيش من فتح القسطنطينية لشدة البرد ومثانة سورها فاضطر الرجوع إلى الشام.

## Membina bandar Qairawan

- 1- Setelah keadaan stabil, Uqbah bin Nafie yang menguasai bahagian Afrika Utara, beliau mula membina kota Qairawan - selatan Tunisia - untuk dijadikan penempatan bagi tenteranya dan pusat pemerintahannya di Afrika. Kemudian beliau membina masjidnya yang terkenal, membina tempat kediaman untuk tenteranya dan membina rumah-rumah untuk orang ramai dan masjid-masjid serta menjaga keselamatan diri dan harta mereka.
- 2- Kota Qairawan siap dibina pada tahun 55 Hijrah. Semasa pembinaan kota tersebut, beliau telah menghantar tentera, sehingga berlaku perubahan dan mendapat ghanimah, ramai orang Barbar masuk Islam, peta negara-negara Muslim mula berkembang dan Islam tertegak di kawasan tersebut.

## Penaklukan di Afrika Utara

### Dasar politik Muawiyah:

- 1- Muawiyah r.a mengambil alih pemerintahan ketika negara Islam dalam kekacauan dan perpecahan, di mana muncul dua kumpulan yang bertentangan iaitu Syiah dan Khawarij.
- 2- Keadaan yang kritikal ini memerlukan pengurusan yang baik dan dasar yang utuh dengan kesabaran dan ketegasan pada masa yang sama.
- 3- Muawiyah bin Abu Sufyan adalah orang terbaik untuk memimpin umat Islam ini pada ketika itu, kerana beliau adalah salah satu tokoh Arab yang bijaksana, pintar, sabar dan hebat politiknya.
- 4- Ada kisah seorang Badwi bertanya kepada Muawiyah bin Abu Sufyan r.a: "Kamu memerintah Syam selama 40 tahun, dan tidak berlaku fitnah sedangkan ketika itu dunia bergelora?" Beliau berkata: "Saya tidak akan menggunakan pedang sekiranya cemeti sudah memadai bagiku. Saya juga tidak akan menggunakan cemeti saya sekiranya kata-kata sudah memadai bagiku, walaupun ada rambut yang mengikat antara saya dan orang ramai saya tidak akan memotongnya, jika mereka memanjangkannya, aku akan mengendurkannya, dan jika mereka mengendurkannya, aku akan memanjangkannya."

## بناء مدينة القيروان

- 1- لما استتب الأمر لعقبة بن نافع في شمال أفريقية بنى مدينة القيروان - جنوب تونس - لتكون معسكرا جلنده ومقرا لولاية أفريقية ثم بنى مسجده الشهير وبنى للجند مساكن ثم بنى للناس مساكنهم ومساجدهم، وأمنوا على أنفسهم وأموالهم.
- 2- وقد تم بناء مدينة القيروان سنة 55 هـ وكان أثناء بناء المدينة يرسل السرايا فتغير وتنهب ودخل كثير من البربر في الإسلام واتسعت خطة بلاد المسلمين وثبت الإسلام في تلك الجهات.

## الفتوحات في شمال أفريقية

### سياسة معاوية:

- 1- تولى معاوية رضي الله عنه الحكم والدولة الإسلامية في اضطراب وانقسام حيث ظهرت طائفتان متعارضتان هما الشيعة والخوارج،
- 2- وهذه الأمور الجسام تحتاج إلى حسن تدبير وسياسة عالية مع الحلم والحزم في آن معا،
- 3- فكان معاوية بن أبي سفيان خير من قاد هذه الأمة آنذاك فهو من أعظم رجال العرب عقلا وحذقا وحلما وسياسة ،
- 4- يقال إن أعرابيا سأل معاوية بن أبي سفيان رضي الله عنه: "حكمت الشام أربعين سنة ولم تحدث فتنة والدنيا تغلي؟"، فقال: "إني لا أضع سيفي حيث يكفيني سوطي ولا أضع سوطي حيث يكفيني لسان، ولو أن بيني وبين الناس شعرة ما انقطعت، كانوا إذا مدّوها أرخيتها ، وإذا أرخوها مددتها".

- 5- Ini adalah dasar politik Muawiyah yang menggunakan kekerasan dan kelembutan pada waktu yang sama. Beliau menggunakan kesabaran dan pengampunan terhadap orang-orang yang boleh melunakkannya dengan pengampunan, dan menggunakan kekerasan dan ketegasan terhadap mereka yang hanya dapat melunakkannya dengan kekerasan dan kekuatan. Inilah kepintaran pimpin dan dasar politik yang bijak.
- 6- Oleh itu, Muawiyah dapat meredakan ketidakpuasan hati sehingga redalah pemberontakan di zamannya, keadaan menjadi baik dan umat Islam dapat menumpukan usaha berjihad di jalan Allah swt dan meneruskan gerakan penaklukan yang telah terhenti akibat peristiwa fitnah tersebut. Beliau adalah individu yang sesuai pada masa yang sesuai.

### Menjadi sokongan sebagai khalifah untuk Yazid

- 1- Ketika Muawiyah r.a melihat orang ramai berselisih faham dan bertelingkah di sebabkan hasutan yang berlaku di kalangan mereka, beliau bimbang selepasnya keadaan akan bertambah buruk, lalu beliau berpendapat bahawa pentingnya mendapatkan sokongan menjadi khalifah untuk anaknya Yazid selepas ketiadaannya.
- 2- Beliau bermesyuarat bersama tokoh-tokoh Sahabat dan para gabenor, sehingga mereka setuju dan ramai di kalangan sahabat nabi membaiah Yazid sebagai khalifah.
- 3- Al-Hafiz Al-Maqdisi berkata: Jawatan khalifahnyanya adalah sah dan 60 orang daripada para Sahabat membaiahnya, antaranya Ibnu Umar r.a.

### Antara sebab memilih orang yang kurang baik berbanding orang yang lebih baik:

- Menyatukan perpaduan umat Islam pada masa yang begitu kritikal ini yang dihadapi oleh umat Islam di mana banyak kumpulan telah muncul seperti Syiah dan Khawarij.
- Ramai pihak yang menginginkan jawatan khalifah.
- menjaga kepentingan dalam menyatukan umat Islam dengan persetujuan seluruh pihak yang bertanggungjawab di kalangan Bani Umayyah, kerana Bani Umayyah pada ketika itu tidak boleh menerima orang lain dan mereka adalah kumpulan Quraisy.
- Muawiyah r.a adalah khalifah umat Islam yang berusaha keras dalam menghadapi musibah ini. Sekiranya beliau betul, beliau akan memperolehi dua pahala, dan jika beliau salah, beliau akan memperolehi satu pahala.

٥- وهذه هي سياسة معاوية يستعمل الشدة واللين في نفس الوقت، فيستعمل الحلم والصفح مع من ينفع معهم الصلح والشدة والحزم مع من لا ينفع معهم إلا الشدة والبطش، وهذا هو الذكاء القيادي والسياسة الحكيمة.

٦- وبذلك استطاع معاوية أن يستل سخائم الصدور حتى سكنت الثورات في عهده وانصلح الحال والتفت المسلمون إلى الجهاد في سبيل الله ومواصلة حركة الفتح التي توقفت بسبب أحداث الفتنة. فكان الرجل المناسب في الوقت المناسب.

### أخذ البيعة ليزيد

١- لما رأى معاوية رضي الله عنه ما عليه الناس من الاختلاف والاضطراب وما هم فيه من الفتنة، خشي عليهم من بعده تفاقم الحال فرأى أن من المصلحة أخذ البيعة لابنه يزيد من بعده،

٢- فشاور كبار الصحابة وسادات القوم وولاة الأمصار فجاءت الموافقة منهم وبايعه الكثير من الصحابة،

٣- قال الحافظ المقدسي: " خلافته صحيحة بايعه ٦٠ من الصحابة منهم ابن عمر رضي الله عنه

### من أسباب اختيار المفضول على الفاضل:

- جمع كلمة المسلمين في هذه المرحلة الحرجة التي تعيشها الأمة الإسلامية حيث كثرت الفرق كالشيعة والخوارج.
- كثرة المطالبين بالخلافة.
- مراعاة المصلحة في اجتماع الأمة واتفاق أهوائها باتفاق أهل الحل والعقد من بني أمية، إذ بنو أمية يومئذ لا يرضون سواهم وهم عصابة قريش.
- فإن معاوية رضي الله عنه خليفة المسلمين اجتهد في هذه النازلة فإن كان قد أصاب فيها فله أجران وإن أخطأ فله أجر واحد.

### Pembaharuan Muawiyah

Muawiyah mengambil berat dalam menyusun pemerintahannya, beliau telah mengasaskan:

- 1- Perkhidmatan Pos untuk menyampaikan perintah dan surat-surat ke negara-negara yang jauh.
- 2- Jabatan Polis untuk menjaga keselamatan.
- 3- Jabatan persuratan dan beliau mengarahkan membuat cop mohor dengan ditampal dengan lilin pada cop pengarah jabatan kerana bimbang berlakunya pemalsuan.
- 4- Sistem perkeranian: Beliau melantik biro percukaian, biro keselamatan (polis) dan biro kehakiman.
- 5- Beliau membina maqsurah (ruangan khas) di masjid untuk beliau solat di dalamnya bagi mengelakkan pencerobohan pihak yang ingin melakukan keburukan terhadapnya.
- 6- Orang pertama yang menjadikan jawatan khalifah sebagai warisan keluarga dalam Islam.

### Kematian Muawiyah

- 1- Muawiyah bin Abu Sufyan r.a meninggal dunia di Damsyik pada tahun 60 Hijrah / 7 April 680 Masihi, pada usia 75 tahun.
- 2- Tempoh menjadi khalifahan adalah 19 tahun 3 bulan.
- 3- Tempoh pemerintahannya adalah 40 tahun (20 tahun sebagai gabenor dan 20 tahun sebagai khalifah).

### مبتكرات معاوية

اهتم معاوية بتنظيم حكومته فأسس:

- ١- مصلحة البريد لإيصال الأوامر والرسائل إلى البلاد البعيدة.
- ٢- مصلحة الشرطة لحفظ الأمن.
- ٣- ديوانا للرسائل وأمر بختمها بشمع عليه ختم صاحب الديوان خوفا من التزوير.
- ٤- نظام الكتبة : عين ديوانا للخراج وديوانا للشرطة وديوانا للقضاء.
- ٥- بنى مقصورة في المسجد ليصلي فيها منعا من اعتداء من تحدته نفسه بسوء.
- ٦- أول من جعل الخلافة وراثية في الإسلام.

### وفاة معاوية

- ١- توفي معاوية بن أبي سفيان رضي الله عنه في دمشق سنة ٦٠ هـ / ٧ إبريل ٦٨٠ م وعمره ٧٥ سنة.
- ٢- ومدة خلافته ١٩ سنة و٣ أشهر
- ٣- ومدة حكمه ٤٠ سنة (٢٠ سنة أمير و ٢٠ سنة خليفة)

### التطبيقات

السؤال ١ :

من هو معاوية بن أبي سفيان رضي الله عنه ؟ وما أعماله قبل توليه الخلافة؟.

السؤال ٢ :

اذكر ما تعرفه عن مبتكراته.

السؤال ٣ :

تكلم عن فتوحات معاوية رضي الله عنه في عهده.

السؤال ٤ :

كيف أخذ البيعة لابنه وجعل الخلافة وراثية؟

**YAZID BIN MUAWIYAH**

60 – 63H / 680 – 683M

**Biodata Yazid dan perlantikannya sebagai khalifah**

- 1- Yazid bin Muawiyah dilahirkan oleh Maisun al Kalbi iaitu perempuan kampung yang dikahwini bapanya iaitu Muawiyah sebelum beliau menjadi khalifah.
- 2- Yazid dibesarkan di kampung, beliau fasih (mahir dalam bahasa dan sastera Arab), mulia dan seorang penyair.
- 3- Apabila Muawiyah meninggal dunia orang ramai melantiknya menjadi khalifah pada tahun 60H
- 4- Tidak menyokongnya ialah Husin bin Ali, Abdullah bin Zubir, Abdullah bin Abbas dan Abdullah bin Umar
- 5- Abdullah bin Zubir enggan membai'ah Yazid dan beliau lari ke Mekah dan berlindung di Baitullah. Kemudian beliau berusaha menarik sokongan orang ramai kepadanya.
- 6- Begitu juga Husin bin Ali r.a juga tidak memberi bai'ah kepada Yazid.




**Pembunuhan Husin**

- 1- Bertalis arus surat dari penduduk Iraq – mereka adalah golongan Syiah – meminta Husin r.a datang ke sana.
2. Husin telah pergi ke Iraq bersama keluarga dan anak-anaknya. Beliau tidak mendengar nasihat para sahabat supaya tetap tinggal di Madinah dan tidak keluar.
3. Husin r.a bertemu dengan tentera Yazid yang dipimpin oleh Umar bin Sa'ad bin Abu Waqas dan Husin memberi 3 pilihan kepada beliau sama ada :
  - membiarkannya pergi ke mana-mana pihak orang Islam,
  - membiarkannya kembali ke Madinah
  - membiarkannya pergi bertemu Yazid






**يزيد بن معاوية**

(٦٠هـ - ٦٣هـ / ٦٨٠م - ٦٨٣م)

**مولده ونشأته وبيعتته**

- ١- ولد يزيد بن معاوية من الميسون الكلبيّة وهي امرأة بدوية تزوجها معاوية قبل أن يلي الخلافة
- ٢- نشأ يزيد في البادية وكان فصيحاً كريماً وشاعراً.
- ٣- لما مات معاوية بايع الناس يزيد بالخلافة سنة ٦٠هـ
- ٤- قعد عن بيعته : الحسين بن عليّ وعبد الله بن الزبير وعبد الله بن عباس وعبد الله عمر 
- ٥- أما عبد الله بن الزبير  فإنه أبا وفر إلى مكة واستعاذ بالبيت، وأخذ يعمل على بثّ الدعوة لنفسه،
- ٦- وكذلك الحسين بن علي  فإنه لا يعطي بيعته ليزيد.

**مقتل الحسين**

- ١- توالى كتب أهل العراق - وهم الشيعة - تحت الحسين بن علي  على القدوم إليهم
- ٢- فخرج الحسين  بأهله وأولاده متوجهاً إلى العراق ولم يستمع لنصائح الصحابة  بالمشرك وعدم الخروج.
- ٣- التقى الحسين  جبّيش يزيد بقيادة عمر بن سعد بن أبي وقاص، و أعطاه الحسين  ثلاث خيارات :
- إما أن يتركه يعود إلى أي ثغر من ثغور المسلمين أو يعود إلى المدينة أو يذهب إلى يزيد،

4- Situasi sebenarnya ada penyelesaiannya kalaulah tidak ada hasutan yang ditimbulkan oleh Shammar bin Zu Al-Jushan – antara golongan zalim yang sentiasa melakukan hasutan – beliau telah memprovokasi Ubaidillah bin Ziyad, gabenor Basra, agar al Hussain menyerahkan diri, sekiranya enggan perang akan berlaku.

5- Al-Hussain r.a enggan menyerah diri.

6- Begitulah terjadinya pertempuran antara dua pasukan yang tidak sama seimbang, satu kumpulan kecil yang tidak sampai 80 orang dan satu kumpulan lagi mempunyai 5000 tentera berkuda dan berjalan kaki.

7- Pertempuran itu telah berlaku, lalu dibunuh penyokong Al-Hussein r.a kesemuanya dan tidak dibiarkan hidup seorang pun. Bilangannya sekitar 72 orang, dan Al-Hussein r.a telah dibunuh oleh Shimmar bin Zu Al-Jushan dan Shabbat bin Rabi'i.

#### Pemecatan Yazid dan pendirian tokoh-tokoh mengenai perkara tersebut:

1. Umat Islam mengutuk pembunuhan Al-Hussein r.a lalu timbullah rusuhan di Parsi, dan penduduk Hijaz memberontak dan membatalkan bai'ah kepada Yazid .

2. Antara mereka yang menentang penggulingan Yazid di kalangan tokoh sahabat ialah Ibnu Umar r.a . Penentangan beliau ini adalah kerana dua sebab:

**Pertama:** Membatalkan bai'ah (janji setia) mereka dianggap pengkhianatan kerana mereka memberikan bai'ah itu dengan rela hati.

**Kedua:** Menghormati kesucian darah umat Islam, dan kesucian ini lebih utama untuk dipelihara di tempat-tempat suci seperti Mekah dan Madinah

3. Aantara mereka yang menentang penggulingan Yazid juga ialah Muhammad bin Ali (Ben Al-Hanifah), beliau tidak menyahut seruan agar memberontak terhadap Yazid, lalu beliau memutuskan untuk meninggalkan Madinah dan pergi ke Mekah. Ahlul Bait (keluarga nabi saw) mengikut pendekatan ini, mereka kekal taat dan tidak keluar bersama penduduk Madinah menentang Yazid.

4. Manakala Sa'id ibn al-Musayyab tabi'e yang mulia, belaiu adalah salah seorang yang menjauhkan diri daripada fitnah ini.

٤- وكاد الوضع أن يتفرج لولا أن شمر بن ذي الجوشن - وهو من الطغاة أصحاب الفتن - استثار عبيد الله بن زياد، والي البصرة بوجوب استسلام الحسين ﷺ وإلا القتال،

٥- فامتنع الحسين ﷺ من الاستسلام

٦- وهكذا نشب القتال بين فريقين غير متكافئين بين فئة صغيرة لا تبلغ الثمانين رجلا وبين خمسة آلاف فارس وراجل،

٧- وكانت الواقعة فقتل رجال الحسين ﷺ على بكرة أبيهم (أي قتلوا جميعا ولم يتخلف منهم أحد) حوالي ٧٢ رجال وقتل الحسين ﷺ على يد شمر بن ذي الجوشن وشبت بن ربعي.

#### خلع يزيد وموقف كبار الصحابة ﷺ من ذلك:

١. استتبع المسلمون لمقتل الحسين ﷺ فحدثت اضطرابات في فارس وثار أهل الحجاز ونقضوا بيعة يزيد ،

٢. وكان ممن عارضوا خلع يزيد من كبار الصحابة ابن عمر ﷺ وكانت معارضته لسببين:

**الأول:** نقض بيعتهم يعتبر خيانة لأنهم أعطوا البيعة عن رضا .

**الثاني:** تعظيم حرمة دماء المسلمين وتزداد هذه الحرمة في الأماكن المقدسة كمكة والمدينة

٣. وممن عارض خلع يزيد أيضا محمد بن علي (بن الحنفية) فلم يستجب لدعوة الخروج على يزيد فقرر ترك المدينة وتوجه إلى مكة وسار أهل بيت النبوة على هذا المنوال ولزموا الطاعة ولم يخرجوا مع أهل المدينة ضد يزيد.

٤. أما التابعي الجليل سعيد بن المسيب فكان ممن اعتزل الفتنة.

## Pemberontakan Hijaz

1- Setelah berita pembunuhan al-Husain bin Ali r.a sampai di Hijaz, Abdullah bin al-Zubair r.a mengumumkan bahawa Yazid telah digulingkan dan beliau mula mendapat bai'ah untuk dirinya sendiri dari orang-orang di Mekah.

2- Kemudian penduduk Madinah mengumumkan pemecatan Yazid, dan mereka membai'ah Abdullah bin Hanzala al-Ghasil (sebagai ketua mereka) dan menyerang Uthman bin Muhammad bin Abu Sufyan, gabenor Yazid. Kemudian mereka mengepung Bani Umayyah di rumah Marwan bin Al-Hakam dan bilangan mereka sekitar 1000 orang.

2- Apabila Yazid bin MU'awiyah mengetahui perkara tersebut, beliau menyiapkan tentera untuk dihantar ke Madinah di bawah pimpinan Muslim bin Uqbah al Murri. Beliau memberi tempoh kepada penduduk Madinah selama tiga hari (untuk menyerah diri). Namun mereka enggan dan ingin berperang. Peperangan Harrah berlaku pada akhir bulan Zulhijjah tahun 63 Hijrah dan ramai pemimpin Madinah terbunuh dalam peperangan tersebut.

## Pengepungan Kota Mekah:

1. Setelah Muslim bin Uqbah Al-Marri selesai urusan di Madinah, beliau bergerak menuju ke kota Mekah, mencari Abdullah bin Al-Zubair r.a dan melantik Ruh bin Zinbaa Al-Jazami menjaga Madinah. Kemudian Muslim meninggal dunia dalam perjalanan tersebut dan mengambil alih ketua tentera selepasnya Al-Hasin bin Nimr, meneruskan perjalanan ke kota Mekah.

2. Penduduk Mekah dan seluruh Hijaz membai'ah Abdullah bin Al-Zubair r.a. Al Hasin bertempur dengan Ibnu Al-Zubair r.a dan pertempuran itu terus berlanjutan hingga akhir bulan Muharram dan bulan Safar tahun 64 Hijrah.

3. Pada awal bulan Rabi'ul Thani, datangnya berita kematian Yazid kepada mereka, lalu beliau meninggalkan pengepungan itu dan kembali bersama tenteranya ke Syam.

## ثورة الحجاز:

١- لما وصل خبر مقتل الحسين بن علي عليه السلام إلى الحجاز أعلن عبد الله بن الزبير رضي الله عنه خلع يزيد وبدأ يأخذ البيعة لنفسه من الناس في مكة.

٢- ثم أعلن أهل المدينة خلع يزيد، وبايعوا عبد الله بن حنظلة الغسيل ووثبوا على عثمان بن محمد بن أبي سفيان والي يزيد، ثم حاصروا بني أمية في دار مروان بن الحكم، وكان عددهم حوالي ألف شخص.

٣- فلما علم يزيد بن معاوية بذلك أرسل إليهم جيشا إلى المدينة بقيادة مسلم بن عقبة المري، فأمهل أهلها ثلاثة أيام فأبوا إلا القتال فكانت وقعة الحرة في أواخر ذي الحجة من سنة ٦٣ هـ وقتل أكثر سادة أهل المدينة في هذه الوقعة.

## حصار مكة:

١. عندما انتهى مسلم بن عقبة المري من المدينة اتجه نحو مكة يريد عبد الله بن الزبير رضي الله عنه وخلف على المدينة روح بن زباع الجذامي، ثم مات مسلم في الطريق فتولى أمر الجند بعده الحصين بن نمر فسار إلى مكة.

٢. وقد بايع أهلها والحجاز كله عبد الله بن الزبير عليه السلام فقاومه ابن الزبير عليه السلام واستمر القتال بقية المحرم وصفر من سنة ٦٤ هـ.

٣. في مطلع ربيع الثاني جاءهم نعي يزيد فترك الحصار ورجع بجيشه إلى الشام.

## التطبيقات

السؤال ١ : ماذا حدث بعد وفاة معاوية؟

السؤال ٢ : تكلم باختصار عن خروج الحسين ومقتله

السؤال ٣ : ماذا حدث في الحجاز بعد مقتل الحسين عليه السلام؟

السؤال ٤ : ماذا فعل يزيد لما علم بما حدث في الحجاز؟

**Abdul Malik bin Marwan**

(65 - 86H / 685 - 705M)

**Biodata Beliau:**

1- Beliau ialah Abdul Malik bin Marwan bin al Hakam, dilantik menjadi khalifah selepas kematian ayahnya Marwan.

2- Dilahirkan tahun 26H dan membesar sebagai ahli sastera, ilmuan fekah dan ahli politik yang tegas, mempunyai azam yang kuat dan cekal hati.

3- Beliau dianggap sebagai pengasas kedua Kerajaan Bani Umayyiah kerana semasa menjadi khalifah keadaan Negara Islam berpecah belah.. Ibnu al-Zubair mengistiharkan dirinya khalifah di Hijaz, golongan Syiah memberontak, dan golongan Kharijiah menentang kerajaan

4- Abdul Malik dapat mengembalikan kestabilan negara dan dapat menghapuskan semua pemberontakan dan penderhakaan. Oleh itu beliau layak digelar sebagai pengasas kedua kerajaan Umayyiah.

5- Abdul Malik mempunyai pengetahuan yang tinggi dan dianggap sebagai salah seorang ulamak fekah di Madinah. Beliau juga seorang yang terkenal dan cekal hati (berani), tidak gentar dengan keadaan genting. Sebaliknya, beliau sendiri lebih suka bergelut dengan kesulitan untuk mengentarkan situasi tersebut.

6- Antara sifat keberaniannya, beliau mempersiapkan dirinya dan keyakinannya bahawa di sana tidak ada seorang pun yang dapat menyainginya pada zamannya.

**Peristiwa dan kekacauan yang timbul**

Peristiwa dan kekacauan yang paling utama yang dihadapi oleh Abdul Malik terbahagi kepada tiga kumpulan:

- 1- Golongan Syiah yang menyokong ahli bait.
- 2- Golongan yang memba'ah Ibnu Zubair dan taat sedia kepadanya.
- 3- Golongan Khawarij yang menolak pendirian orang lain dan berpendapat bahawa orang lain terkeluar dari agama Islam.

**عبد الملك بن مروان**

(٦٥هـ - ٨٦هـ / ٦٨٥م - ٧٠٥م)

**التعريف :**

١- عبد الملك بن مروان بن الحكم، وبويع عبد الملك بالخلافة بعد وفاة أبيه مروان

٢- ولد سنة ٢٦ هـ ونشأ أديبا فقيها سياسيا حازما قوى العزيمة ثابت القلب.

٣- هو يعتبر المؤسس الثاني للدولة الأموية لأنه تولى الخلافة والعالم الإسلامي متفكك ، فابن الزبير أعلن نفسه خليفة في الحجاز والشيعية ثائرون، والخوارج متمردون.

٤- وقد استطاع عبد الملك أن يرد البلاد كلها إلى الطاعة وأن يقضي على كل مترد وعصيان فاستحق أن يوصف بأنه المؤسس الثاني للدولة الأموية.

٥- كان عبد الملك يتمتع بثقافة عالية، وكان يعد أحد فقهاء المدينة، وكان رجل الساعة (إي إنسان مشهور) فقد كان ثابت الجأش (شجاع) لا تزغزه الشدائد ، بل كان يميل إلى مصارعة الشدائد ليزعزعها هو،

٦- ومن اخلاقها اعتداده بنفسه وإيمانه أنه ليس هناك من يعارضه من معاصريه.

**الأحداث والإضطرابات :**

اهم الأحداث والإضطرابات التي واجهت عبد الملك مقسمه إلى ثلاث فرق :

(١) شيعة تدعو إلى آل البيت.

(٢) فرقة بايعت ابن الزبير ودخلت في طاعته.

(٣) وخوارج نبذوا حكم الجميع ورأوهم مارقين عن الدين.

**(1) Pemberontakan Mokhtar**

1- Pada tahun 66 H, seorang pemimpin Syiah di Kufah, namanya Mokhtar bin Ubaid al Kazzab al Thaqafi kerana telah mengistiharkan kempen menuntut bela atas kematian Husin.

2. Beliau telah menguasai Kufah dan Mosul, tetapi Al-Mukhtar adalah musuh Abdullah bin Al-Zubair. lalu berlakulah perang antara beliau dan Musab bin Al-Zubair (gabenor Iraq di bawah pemerintahan Abdullah bin Al-Zubair) dan berakhir dengan pembunuhan Al-Mukhtar. Maka Iraq telah dikuasai sepenuhnya oleh Ibn Al-Zubair. Tidak lama setelah berjaya memperolehi kemenangan melawan Al-Mukhtar, tiba-tiba Abdul Malik sendiri dengan pantas berangkat bersama pemimpin dan tenteranya menuju ke Iraq dan bertempur dengan Musab bin Al-Zubair bersama askar Iraqnya, tetapi mereka dikalahkan.

**(2) Pembunuhan Abdullah bin Al-Zubair**

1- Setelah kematian Mus'ab, kerajaan Ibnu al-Zubair hanya terbatas pada Hijaz, beliau tidak mampu bangkit kerana kekurangan harta dan tentera. Kematian saudaranya Mus'ab membuatnya kecewa, tetapi beliau tidak mencampakkan bendera dan terus menentang hingga akhir hayatnya.

2- Abdul Malik menyiapkan satu angkatan tentera bilangannya 20,000 tentara daripada penduduk Syam di bawah pimpinan Al Hajjaj bin Yusuf al Thaqafi dan menyuruhnya membunuh Ibnu Zubair di Mekah.

2- Al Hajjaj mengepong Ibnu Zubair. Keponganan ini mengambil masa beberapa bulan kerana al Hajjaj tidak ingin berperang dengan Ibnu Zubair di Tanah Haram. Beliau mengepongnya sehingga Dia mengepungnya sehingga orang-orang di sekelilingnya meninggalkannya, termasuk dua anak Ibnu al-Zubair (Hamzah dan Khabib), dan al-Hajjaj memberi mereka keamanan. Sayangnya, Ibn al-Zubair berkeras untuk bertempur dan tidak menyerah diri sehingga beliau terbunuh pada tahun 73 H.

**(١) ثورة المختار :**

١. في سنة ٦٦ هـ ثار رجل من زعماء الشيعة في الكوفة اسمه المختار بن أبي عبيد الكذاب الثقفي متظاهرا بالمطالبة بدم الحسين.

٢. فاستولى على الكوفة والموصل ولكن المختار عدو عبد الله بن الزبير، ودارت الحرب بينه وبين مصعب بن الزبير (والي العراق لعبد الله بن الزبير) وانتهت بقتل المختار، وخلص العراق بذلك لابن الزبير ولم يهنأ بالنصر الذي أحرزه ضد المختار، إذ أن عبد الملك سرعان ما سار بنفسه ومعه قاداته وجنده إلى العراق والتقى بمصعب بن الزبير ومعه جنده العراقيون، ولكنهم هزموا.

**(٢) مقتل عبد الله بن الزبير**

١ - بعد مقتل مصعب انحصرت دولة ابن الزبير في الحجاز ولم يكن في استطاعته الصمود لافتقاره إلى المال والرجال كما أن مقتل أخيه مصعب قد أصابه بالإحباط ولكنه لم يلق الراية وظل يقاوم حتى النهاية.

٢ - جهز عبد الملك بن مروان جيشا قوامه عشرون ألفا من أهل الشام بقيادة الحجاج بن يوسف الثقفي ووجهه لقتال ابن الزبير في مكة.

٣ - فحاصر الحجاج ابن الزبير وطال الحصار شهورا عديدة لأن الحجاج لم يرد القتال مع ابن الزبير في الحرم فحاصره حتى انفض الناس من حوله ومنهم ولدا ابن الزبير (حمزة وخبيب) وأعطاهم الحجاج الأمان. وللأسف أصر ابن الزبير على القتال وعدم التسليم حتى قتل سنة ٧٣ هـ

**(3) Menakluk Iraq dan menghapuskan golongan Khawarij**

1- Di Iraq timbul lagi fitnah baru dengan lahirnya Syabib al Khariji dan ramai pengikut dan penyokongnya.

2. Ini memaksa Abdul Malik melantik al Hajjaj menjadi gabenor di Iraq untuk mengekang golongan pemberontak dan memindahkannya dari wilayah Hijaz ke wilayah Iraq. Beliau bergerak ke Kufah pada tahun 75 H.

2-. Al Hajjaj memerangi mereka dalam beberapa pertempuran dan akhirnya kumpulan Syabib berpecah belah. Selepas itu beliau naik ke atas mimbar dan menyampaikan ucapan yang terkenal : "Wahai penduduk Kufah, aku melihat kepala-kepala (di hadapanku ini) sudah masak ranum dan telah tiba masanya untuk memetikinya dan akulah tuannya. Seolah-olah aku melihat darah berada di antara janggut dan serban ... kamu umpama penduduk kampung yang hidup aman damai, rezeki datang setiap masa dari segenap penjuru kemudian mereka kufur dengan nikmat Allah, lalu Allah timpakan mereka kelaparan dan ketakutan sebagai balasan terhadap apa yang mereka lakukan".

4- Dengan selesainya ucapan beliau yang keras dan penuh dengan ancaman, maka rakyat Iraq tunduk patuh dan menyatakan ketaatan mereka kepadanya.

**Pembaharuan Abdul Malik**

Antara pembaharuan yang dilakukan oleh Abdul Malik:

**(1) Menyatukan Negara :**

Selepas tunduknya Iraq dan Hijaz dan bersatu padunya umat Islam menyatakan bai'ah dan taat kepada Abdul Malik, dengan itu negara telah bersatu dan tidak ada pihak yang ingin merampas jawatan khalifah.

**(٣) إخضاع العراق والحوارج**

١- تجددت الفتن بالعراق وذلك بظهور شبيب الخارجي وكثير أتباعه وأشباعه،

٢- فلم يجد عبد الملك بدا من تعيين الحجاج واليا على العراق ليقمع تمرده فنقله من ولاية الحجاز إلى ولاية العراقيين فسار إلى الكوفة سنة ٧٥ هـ

٣- فحارب الحجاج في عدة وقائع تفرقت في نهايتها جموع شبيب وبعد ذلك صعد المنبر وألقى خطابه الشهري: "يا أهل الكوفة إني لأرى رؤوسا قد أينعت وحن قطفها وإن لصاحبها وكأني أنظر إلى الدماء بين اللحي والعمائم ..... "وإنكم لكأهل قرية كانت آمنة مطمئنة يأتيها رزقها رغدا من كل مكان فكفرت بأنعم الله فأذاقها الله لباس الجوع والخوف بما كانوا يصنعون"

٤- وبتمام خطابه القاسي المملوء بالتهديد خضع أهل العراق وأكدوا طاعتهم له .

إصلاحات عبد الملك:

**(١) توحيد الدولة**

وبعد إخضاع العراق والحجاز اتفقت كلمة المسلمين على بيعه عبد الملك وطاعته وبذلك توحدت الدولة ولم يبق له منازع في الملك.

**(2) Menggunakan bahasa Arab dalam sistem percetakan :**

- i) Selepas Abdul Malik selesai memadam api fitnah, beliau menumpukan usaha memulihkan keadaan dalam Negara, lalu beliau mengarahkan agar Menggunakan bahasa Arab dalam sistem percetakan.
- ii) Sebelum ini Dewan Syam menggunakan bahasa Greek, Dewan Parsi menggunakan bahasa Parsi dan Dewan Mesir menggunakan bahasa Qibtiyah.
- iii) Abdul Malik berazam untuk menukar dewan-dewan ini kepada bahasa Arab dan menjadikannya sebagai bahasa rasmi di zaman pemerintahannya. Seterusnya bahasa Arab telah tersebar di seluruh kerajaannya yang luas itu.

**(3) Mencetak matawang**

- i) Di antara usaha yang baik (dilakukan oleh) Abdul Malik ialah mencetak matawang Islam yang sistematik dan mengukirnya dalam bahasa Arab. Perkara tersebut dilakukan pada tahun 76H.
- ii) Sebelum ini matawang diukir dalam bahasa Rom dan Parsi.

**(4) Industri perkapalan**

- i) Abdul Malik mengambil berat tentang pembangunan armada Arab (tentera laut) dengan membangunkan industri perkapalan di Tunisia untuk membina kapal. Beratus-ratus kapal perang dibina di sana.
- ii) Sebelum ini orang Arab menggunakan tenaga asing untuk membina kapal.

**Kematian Abdul Malik**

- 1- Abdul Malik meninggal dunia pada bulan syawal tahun 86H,
- 2- Usianya 60 tahun
- 3- Tempoh pemerintahannya 21 tahun. Beliau gunakannya untuk melenyapkan fitnah dan menyatukan Negara.

**(٢) تعريب الدواوين:**

- ١- لما انتهى عبد الملك من اخماد الفتن وجه همته إلى الإصلاح الداخلى فأمر بتعريب الدواوين،
- ٢- كان ديوان الشام يكتب باليونانية وديوان فارس يكتب بالفارسية، و ديوان مصر يكتب بالقبطية
- ٣- فعزم عبد الملك على نقلها جميعا إلى اللغة العربية وأن تكون اللغة العربية هي اللغة الرسمية. فانتشرت اللغة العربية في مملكته الواسعة

**(٣) سك النقود**

- ١- من الأعمال المجيد لعبد الملك أيضا سك النقود الإسلامية سكا منظما ونقشها باللغة العربية وذلك في سنة ٧٦ هـ،
- ٢- وكانت قبل ذلك منقوشة بالرومية والفارسية.

**(٤) دار السفانة**

- ١- اهتم عبد الملك بالأسطول العربى وتقدمه فأمر بإنشاء دور السفانة ( دار الصناعة ) في تونس لبناء السفن وبنى فيها مئات السفن الحربية
- ٢- وكان العرب قبله يستخدمون الأجانب لإنشاء السفن.

**وفاة عبد الملك**

- ١- توفي عبد الملك في شوال سنة ٨٦ هـ
- ٢- عمره ستون سنة
- ٣- مدة خلافته ٢١ سنة قضاها في استئصال الفتن وتوحيد الدولة.

التطبيقات

- ١- اذكر ما تعرفه عن عبد الملك. وكيف كان العالم الإسلامي يوم توليته؟
- ٢- اذكر الحوادث الهامة التي حدثت في عهده. وكيف تغلب على هذه الحوادث؟
- ٣- اذكر إصلاحات عبد الملك.
- ٤- لماذا يوصف عبد الملك بأنه المؤسس الثاني للدولة الأموية؟

**Al Walid bin Abdul Malik**

(86 – 96H / 705 – 715M)

**Biodata beliau:**

- 1- Al Walid dilahirkan pada tahun 50H.
- 2- Beliau mempelajari sebahagian ilmu Islam tetapi pengetahuannya dalam bahasa Arab begitu lemah.
- 3- Dilantik menjadi khalifah selepas kematian ayahnya. Al Walid pada tahun 86H.
- 4- Al Walid suka berkhidmat untuk rakyat dengan baik dan mengambil berat tentang keharmonian mereka.
- 5- Cara pemerintahannya teratur dan tegas seperti cara pemerintahan ayahnya Abdul malik.
- 6- Zaman pemerintahan al Walid secara umumnya adalah zaman kemewahan, senang, aman, tenang, membangun dan pemulihan. Ini adalah kerana beberapa sebab:
